

Kayveas jangan cakap banyak – Keng Yaik

Oleh ANGELINA SINYANG

BERUAS 2 Mac – Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M. Kayveas diminta berhenti menggunakan media untuk menyuarakan rasa tidak puas hati berhubung sebarang keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, tindakan Kayveas menggunakan media boleh menjejaskan imej Barisan Nasional (BN) terutama dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Menurutnya, tindakan Kayveas itu juga bukan satu langkah yang bijak, sebaliknya mencerminkan kepimpinannya yang lemah di samping memberi kesan tidak baik kepada BN.

“Awak (Kayveas) bercakap banyak pun tak guna. Saya orang tua, ada pengalaman ingin memberi nasihat kepada ini pemimpin muda (Kayveas) supaya jangan selesaikan masalah ini (perebutan kerusi) secara terbuka dengan media.

“Pergi selesaikan dalam mesyuarat Ma-

Tindakan Kayveas itu juga bukan satu langkah bijak, sebaliknya mencerminkan kepimpinannya yang lemah di samping memberi kesan tidak baik kepada BN

UM - 3/3/2007

LIM KENG YAIK
Presiden Gerakan

jlis Tertinggi BN. Kalau tidak puas hati, pergi terus selesaikannya dengan Pengerusi BN (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)... jangan bercakap-cakap sahaja kerana keputusan hitam dan putih adalah lebih baik daripada bercakap,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan majlis pecah tanah bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pei Ching di sini hari ini.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi itu berkata demikian semasa mengulas tindakan Kayveas yang mempertikaikan pelantikan Ketua Wanita Gerakan yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang, Tan Lian Hoe sebagai Pengerusi BN Taiping sedangkan beliau (Kayveas) adalah anggota

Parlimen kawasan itu.

Keng Yaik berkata, adalah satu perkara biasa jika Ahli Parlimen di sesuatu kawasan tidak dilantik sebagai Pengerusi BN di kawasan Parlimennya.

Katanya, surat pelantikan telah dikeluarkan dan jika ia menimbulkan rasa tidak puas hati, maka perkara itu perlu dibangkitkan kepada pucuk pimpinan BN untuk diselesaikan.

Mengenai surat daripada Kayveas yang membantah tindakan Lian Hoe yang menjalankan program BN di Taiping, Keng Yaik berkata, apa yang dijalankan oleh Lian Hoe adalah tanggungjawabnya sebagai Pengerusi BN di kawasan itu.

“Apa kesalahan yang dilakukan oleh beliau (Lian Hoe) yang hanya menjalankan

kerjanya sebagai Pengerusi?,” tanya beliau apabila diminta mengulas kenyataan Kayveas yang mahukan BN mengambil tindakan disiplin terhadap Lian Hoe.

Ujarnya, kerja-kerja yang dijalankan oleh Lian Hoe adalah bagi memastikan BN terukuh di kawasan berkenaan yang disandang selama tujuh penggal berturut-turut oleh wakil Gerakan sebelum diserahkan kepada PPP pada pilihan raya 2004.

Menurut Keng Yaik, Gerakan tidak pernah berebut sebarang kerusi dengan parti lain dan tidak pernah melobi untuk mendapatkan sebarang kerusi termasuk dilantik sebagai Pengerusi BN Taiping.

“Dia (Kayveas) sendiri tidak pernah mimpi akan diberi kerusi di Parlimen Taiping yang sudah tujuh tahun berturut-turut disandang oleh Gerakan. Tetapi kerana semangat bertolak-ansur antara parti komponen BN, maka saya (Presiden Gerakan) diminta menyerahkan kerusi tersebut.

“Jadi apa lagi dia (Kayveas) mahu? Dia tidak pernah mimpi diberikan kerusi itu... orang sudah berkorban untuk dia... apa lagi yang dia mahu,” katanya.

PERDANA
BERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA